

NO. SOALAN: 40

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 ( SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan apa-apa fatwa berkaitan dengan penglibatan rakyat Malaysia dalam konflik bersenjata di Syria dan Iraq, termasuklah mereka yang terlibat dengan Islamic State Of Iraq and Levant (ISIL)**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-106 pada 21-22 Oktober 2014 telah pun membincangkan mengenai isu umat Islam dari Malaysia yang

berjuang di Syria atas nama ISIS/ISIL. Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS/ISIL di bumi Syria adalah **berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar mengikut Hukum Syarak**. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.

Muzakarah turut menegaskan bahawa **tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia** kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut Hukum Syarak. Seterusnya Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.

Pada masa yang sama, kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia telah **mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka**. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai

**Khawarij di zaman moden** dan Jumah Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.

Sehubungan itu, Kerajaan berpandangan bahawa rakyat Malaysia tidak sewajarnya melibatkan diri dengan konflik yang berlaku di negara-negara berkenaan di atas nama seruan jihad kerana dibimbangi akan dimanipulasi oleh kumpulan yang bergolak dan terlibat dengan peperangan yang tidak menepati maksud jihad yang sebenarnya. Lebih-lebih lagi dalam konflik yang berlaku di negara-negara tersebut wujud pelbagai puak dan pertempuran berlaku sesama sendiri. Hal seumpama ini sepatutnya dihindarkan oleh umat Islam.

Disamping itu, dalam konteks membantu umat Islam di negara lain, pemahaman terhadap asas *Fiqh Aulawiyyat* (Fiqh Keutamaan) perlu ditekankan. Dalam keadaan sekarang, yang lebih penting adalah memberi bantuan kemanusiaan seperti bantuan makanan, pakaian dan ubat-ubatan. Bahkan para ulama di Syria sendiri bertegas yang keperluan utama mereka adalah bantuan kemanusiaan bukan dengan jihad.

Sekian, terima kasih.